

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

RUJUKAN : 7277

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan serta jenis kes jenayah mengikut pecahan negeri dari 2008 hingga kini serta apakah langkah realistik untuk menangani isu jenayah di Pulau Pinang dengan ketiadaan PPS untuk membantu pihak polis memandangkan mereka telah menyumbang untuk menjaga keselamatan di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Masalah jenayah boleh mengancam keselamatan dan keharmonian negara dan menimbulkan perasaan "*fear of crime*" kepada masyarakat. Sehubungan itu pihak PDRM telah menjalankan penguatkuasaan yang berterusan dan terancang untuk membanteras dan mengekang jenayah dari terus berleluasa dengan pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah *National Key Result Area* (NKRA) Mengurangkan Kadar Jenayah.

Statistik jenayah indeks bagi seluruh negara mengikut negeri pada tahun 2008 sehingga 2014 (Julai) seperti berikut:-

1. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2008.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	98	26	15	55	14	29	13	58	3	46	67	39	185	6	654
ROGOL	571	309	250	186	129	199	206	237	46	183	240	145	643	150	3,494
SAMUN BERKAWAN BERS/API	12	15	18	24	1	8	5	5	7	13	2	20	50	2	182
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	3,799	557	66	4,661	341	784	288	1,191	4	1,121	568	508	7,848	68	21,804
SAMUN BERSENJATAPI	4	11	10	4	-	6	1	12	5	1	-	-	19	3	76
SAMUN TANPA S/API	661	357	116	896	150	137	79	242	7	411	163	288	1,399	53	4,959
MENCEDERAKAN	820	467	351	562	228	261	240	489	57	447	410	611	1,562	143	6,648
JUMLAH	5,965	1,742	826	6,388	863	1,424	832	2,234	129	2,222	1,450	1,611	11,706	425	37,817
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	3,973	2,506	962	4,803	1,503	1,812	2,293	2,454	143	3,788	3,465	3,320	8,869	1,324	41,215
CURI MOTOKAR	1,745	682	763	3,178	142	382	143	530	8	753	244	984	5,458	186	15,198
CURI MOTOSIKAL	10,827	5,311	3,268	7,285	1,763	1,847	1,999	4,689	429	6,147	468	3,335	17,711	2,280	67,359
CURI VAN/LORI/J'BERAT	759	92	100	813	58	151	163	161	6	151	310	751	2,714	34	6,263
CURI RAGUT	15	589	315	2,181	191	272	248	387	17	1,103	419	398	1,840	230	8,205
PECAH RUMAH DAN CURI	3,340	2,185	1,515	3,790	1,086	1,780	1,561	2,126	76	2,487	2,142	2,530	9,454	1,516	35,588
JUMLAH	20,659	11,365	6,923	22,050	4,743	6,244	6,407	10,347	679	14,429	7,048	11,318	46,046	5,570	173,828
JUMLAH JENAYAH INDEKS	26,624	13,107	7,749	28,438	5,606	7,668	7,239	12,581	808	16,651	8,498	12,929	57,752	5,995	211,645

2. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2009.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	74	33	8	64	12	14	24	54	2	52	69	50	139	6	601
ROGOL	656	378	314	153	105	209	226	254	44	179	258	207	684	173	3,840
SAMUN BERKAWAN BERS/API	87	46	16	127	1	62	26	35	13	28	-	11	359	4	815
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	5,028	534	122	6,156	240	909	246	1,257	8	1,030	407	572	7,127	86	23,722
SAMUN BERSENJATAPI	11	8	9	35	1	19	3	6	3	6	-	1	51	2	155
SAMUN TANPA S/API	1,374	321	52	942	89	194	61	218	5	307	128	149	979	43	4,862
MENCEDERAKAN	1,144	539	421	772	294	351	334	654	78	559	480	604	1,999	141	8,370
JUMLAH	8,374	1,859	942	8,249	742	1,758	920	2,478	153	2,161	1,342	1,594	11,338	455	42,365
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	4,211	2,422	868	7,510	1,523	1,362	1,707	2,145	129	3,485	2,939	2,918	8,750	895	40,864
CURI MOTOKAR	1,755	526	775	3,138	226	266	234	689	28	786	277	686	4,624	212	14,222
CURI MOTOSIKAL	8,825	4,958	2,841	6,286	1,520	1,871	2,167	4,628	398	6,185	663	3,036	15,528	2,488	61,394
CURI VAN/LORI/J'BERAT	612	122	69	726	59	99	143	306	8	248	280	637	2,177	38	5,524
CURI RAGUT	99	540	391	3,341	232	273	174	479	8	1,189	336	485	2,064	128	9,739
PECAH RUMAH DAN CURI	3,391	2,502	1,515	4,531	1,321	1,918	1,376	2,043	93	2,765	2,249	3,200	10,513	1,153	38,570
JUMLAH	18,893	11,070	6,459	25,532	4,881	5,789	5,801	10,290	664	14,658	6,744	10,962	43,656	4,914	170,313
JUMLAH JENAYAH INDEKS	27,267	12,929	7,401	33,781	5,623	7,547	6,721	12,768	817	16,819	8,086	12,556	54,994	5,369	212,678

3. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2010.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	58	24	21	61	9	22	14	43	1	33	63	36	175	8	568
ROGOL	619	352	311	161	105	196	223	293	39	149	243	197	653	152	3,693
SAMUN BERKAWAN BERS/API	142	103	38	100	7	157	96	13	6	67	1	6	1,048	25	1,809
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	2,713	486	74	3,931	266	837	163	1,108	13	753	378	458	4,566	63	15,809
SAMUN BERSENJATAPI	23	20	13	21	1	21	18	2	5	21	-	1	152	11	309
SAMUN TANPA S/API	648	237	59	933	71	184	43	228	10	259	127	90	837	108	3,834
MENCEDERAKAN	1,026	492	386	969	263	276	304	548	72	593	402	596	2,057	127	8,111
JUMLAH	5,229	1,714	902	6,176	722	1,693	861	2,235	146	1,875	1,214	1,384	9,488	494	34,133
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	4,356	2,225	909	6,186	1,256	1,164	1,314	1,986	282	2,778	2,705	2,939	7,459	847	36,406
CURI MOTOKAR	1,667	530	777	3,482	253	308	247	660	16	464	234	462	6,084	106	15,290
CURI MOTOSIKAL	7,812	4,698	2,776	5,319	1,875	1,960	2,196	4,136	418	4,282	751	3,017	13,769	1,548	54,557
CURI VAN/LORI/J'BERAT	538	109	125	753	68	152	123	192	6	143	295	554	1,680	36	4,774
CURI RAGUT	84	411	295	1,897	122	55	101	244	58	835	144	398	1,250	56	5,950
PECAH RUMAH DAN CURI	2,741	2,035	1,426	4,682	1,073	1,484	1,352	1,911	163	2,096	2,337	3,006	9,739	1,007	35,052
JUMLAH	17,198	10,008	6,308	22,319	4,647	5,123	5,333	9,129	943	10,598	6,466	10,376	39,981	3,600	152,029
JUMLAH JENAYAH INDEKS	22,427	11,722	7,210	28,495	5,369	6,816	6,194	11,364	1,089	12,473	7,680	11,760	49,469	4,094	186,162

4. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2011.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	86	28	16	33	14	21	21	41	3	31	68	35	127	6	530
ROGOL	582	327	276	145	81	172	222	226	51	146	240	151	516	135	3,270
SAMUN BERKAWAN BERS/API	9	16	9	15	3	9	8	8	2	12	2	13	211	1	318
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	2,448	595	179	4,238	246	884	166	1,047	10	660	294	289	4,942	86	16,084
SAMUN BERSENJATAPI	1	9	3	9	1	5	3	1	-	1	-	-	19	-	52
SAMUN TANPA S/API	440	162	64	1,211	106	252	69	229	10	204	112	78	838	96	3,871
MENCEDERAKAN	862	498	323	741	171	252	271	533	66	358	324	531	1,488	119	6,537
JUMLAH	4,428	1,635	870	6,392	622	1,595	760	2,085	142	1,412	1,040	1,097	8,141	443	30,662
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	3,811	2,097	736	4,497	1,219	1,240	1,303	1,784	310	1,907	2,324	2,517	5,941	816	30,502
CURI MOTOKAR	2,006	564	641	3,326	183	347	301	616	28	647	288	500	6,389	274	16,110
CURI MOTOSIKAL	7,571	4,229	2,575	5,692	1,624	1,494	2,092	3,422	364	3,776	741	2,992	12,957	1,367	50,896
CURI VAN/LORI/J'BERAT	480	104	71	664	40	96	111	153	5	142	233	694	1,653	26	4,472
CURI RAGUT	76	285	169	951	117	25	66	169	52	198	94	389	799	63	3,453
PECAH RUMAH DAN CURI	2,598	1,753	1,137	3,480	1,025	1,253	1,361	1,640	212	1,676	1,897	2,894	8,422	852	30,200
JUMLAH	16,542	9,032	5,329	18,610	4,208	4,455	5,234	7,784	971	8,346	5,577	9,986	36,161	3,398	135,633
JUMLAH JENAYAH INDEKS	20,970	10,667	6,199	25,002	4,830	6,050	5,994	9,869	1,113	9,758	6,617	11,083	44,302	3,841	166,295

5. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2012.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	80	29	17	46	14	27	20	41	1	47	61	46	166	7	602
ROGOL	504	291	237	138	97	170	216	188	42	123	224	163	421	150	2,964
SAMUN BERKAWAN BERS/API	6	11	8	17	1	5	9	15	-	7	6	10	15	-	110
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	2,031	613	155	4,287	356	1,010	275	1,023	19	586	243	232	5,812	96	16,738
SAMUN BERSENJATAPI	-	1	3	3	-	1	1	-	-	2	4	-	2	-	17
SAMUN TANPA S/API	383	126	57	1,049	109	153	67	170	13	174	107	97	701	69	3,275
MENCEDERAKAN	838	469	340	749	170	334	254	481	83	344	358	538	1,179	107	6,244
JUMLAH	3,842	1,540	817	6,289	747	1,700	842	1,918	158	1,283	1,003	1,086	8,296	429	29,950
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	2,910	1,657	595	3,910	888	1,460	992	1,185	251	1,274	1,695	2,394	4,437	651	24,299
CURI MOTOKAR	1,738	714	746	3,359	211	330	302	664	26	671	472	897	5,792	274	16,196
CURI MOTOSIKAL	7,731	4,323	2,646	5,693	2,004	1,503	2,176	3,004	329	3,601	864	2,568	13,285	1,532	51,259
CURI VAN/LORI/J'BERAT	590	95	82	549	64	122	169	159	6	168	192	539	1,757	34	4,526
CURI RAGUT	38	234	115	384	30	10	78	145	36	275	103	271	725	56	2,500
PECAH RUMAH DAN CURI	2,219	1,537	1,052	2,838	820	1,438	1,060	1,470	168	1,127	1,717	2,627	6,337	529	24,939
JUMLAH	15,226	8,560	5,236	16,733	4,017	4,863	4,777	6,627	816	7,116	5,043	9,296	32,333	3,076	123,719
JUMLAH JENAYAH INDEKS	19,068	10,100	6,053	23,022	4,764	6,563	5,619	8,545	974	8,399	6,046	10,382	40,629	3,505	153,669

6. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2013.

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGAN U	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	89	20	21	58	19	24	22	52	-	36	63	51	167	5	627
ROGOL	443	230	228	143	110	166	191	156	41	118	225	147	395	125	2,718
SAMUN BERKAWAN BERS/API	6	7	7	14	2	12	6	4	2	6	4	10	17	1	98
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	1,699	592	130	4,589	365	711	269	841	22	729	246	268	6,090	96	16,647
SAMUN BERSENJATAPI	-	2	-	8	-	4	-	-	1	-	1	-	5	-	21
SAMUN TANPA S/API	326	128	59	1,224	135	145	72	152	4	170	114	97	871	68	3,565
MENCEDERAKAN	676	383	294	744	141	430	222	402	85	337	273	452	1,108	152	5,699
JUMLAH	3,239	1,362	739	6,780	772	1,492	782	1,607	155	1,396	926	1,025	8,653	447	29,375
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	2,322	1,298	447	3,391	696	1,368	822	989	202	1,089	1,466	1,730	5,147	438	21,405
CURI MOTOKAR	2,188	558	746	3,281	192	281	339	571	19	716	522	1,239	5,832	249	16,733
CURI MOTOSIKAL	6,754	3,676	2,668	5,459	1,766	1,342	2,219	2,770	316	3,365	978	3,100	12,653	2,067	49,133
CURI VAN/LORI/J'BERAT	776	85	137	688	64	106	179	164	4	211	158	317	2,049	43	4,981
CURI RAGUT	28	158	64	214	12	6	43	152	24	165	57	183	984	28	2,118
PECAH RUMAH DAN CURI	1,798	1,499	936	2,506	684	1,398	873	1,176	111	994	1,665	1,597	7,742	338	23,317
JUMLAH	13,866	7,274	4,998	15,539	3,414	4,501	4,475	5,822	676	6,540	4,846	8,166	34,407	3,163	117,687
JUMLAH JENAYAH INDEKS	17,105	8,636	5,737	22,319	4,186	5,993	5,257	7,429	831	7,936	5,772	9,191	43,060	3,610	147,062

7. Jenayah Indeks Malaysia Tahun 2014 (Januari - Ogos).

KESALAHAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TRNGGANU	Jumlah
JENAYAH KEKERASAN :															
BUNUH	46	16	11	28	10	17	13	23	1	31	31	31	76	4	338
ROGOL	199	166	141	81	43	91	105	91	19	59	151	83	220	76	1,525
SAMUN BERKAWAN BERS/API	5	6	1	13	2	2	7	2	-	4	2	6	9	-	59
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	989	360	92	2,161	274	509	164	531	14	408	136	140	3,397	51	9,226
SAMUN BERSENJATAPI	1	-	2	3	-	-	1	1	-	1	1	-	4	-	14
SAMUN TANPA S/API	257	116	59	553	82	107	38	129	7	132	74	52	511	53	2,170
MENCEDERAKAN	483	261	227	425	140	273	150	236	46	223	155	261	730	120	3,730
JUMLAH KEKERASAN	1,980	925	533	3,264	551	999	478	1,013	87	858	550	573	4,947	304	17,062
JENAYAH HARTABENDA :															
CURI	1,441	669	379	1,943	301	880	615	678	110	815	794	857	3,242	281	13,005
CURI MOTOKAR	1,147	368	405	1,352	132	129	185	286	16	406	234	575	3,160	137	8,532
CURI MOTOSIKAL	4,011	2,432	1,484	2,535	1,065	808	1,515	1,593	225	2,059	811	1,671	7,191	1,050	28,450
CURI VAN/LORI/J'BERAT	399	64	64	340	21	73	79	103	10	109	166	164	1,106	29	2,727
CURI RAGUT	17	75	47	389	4	12	32	111	20	194	47	104	642	12	1,706
PECAH RUMAH DAN CURI	1,093	770	682	1,325	337	892	461	781	101	777	918	979	4,185	246	13,547
JUMLAH HARTABENDA	8,108	4,378	3,061	7,884	1,860	2,794	2,887	3,552	482	4,360	2,970	4,350	19,526	1,755	67,967
JUMLAH JENAYAH INDEKS	10,088	5,303	3,594	11,148	2,411	3,793	3,365	4,565	569	5,218	3,520	4,923	24,473	2,059	85,029

Pihak Kementerian melalui PDRM sentiasa komited dalam mengendalikan kes-kes jenayah selaras dengan objektif Kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah seluruh negara sebanyak 5% setahun. Dalam mencapai objektif ini, pihak PDRM menjalankan beberapa strategi dalam usaha mencegah jenayah. Di antaranya adalah:-

- 1) Sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti pencegahan jenayah khususnya untuk jenayah berat dan terancang, PDRM telah menubuhkan pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime* (STFOC) dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk memerangi jenayah berat dan pengedaran dadah yang berlaku dalam negara. Langkah terbaru adalah dengan menubuhkan *Skuad Taktikal Khas 3* untuk memerangi jenayah kongsi gelap, perjudian dan maksiat yang akan beroperasi pada bulan Disember ini.
- 2) Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan berkereta di kawasan-kawasan tumpuan ramai dan tindakan '*stop and talk*' adalah dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.
- 3) Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik seperti tempat letak kereta, kawasan tumpuan ramai merupakan

salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan Bandar Selamat. Walaupun pemasangan CCTV bukan di bawah bidang kuasa Polis tetapi dengan kerjasama agensi Kerajaan, pemilik-pemilik premis persendirian, usaha ini telah berjaya membantu dalam pencegahan jenayah.

- 4) **"Rakan Cops"** telah memainkan peranan yang berkesan dalam tindakan polis berkaitan pencegahan jenayah, di mana orang awam boleh menghubungi Polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang jenayah dan tindakan serta merta boleh diambil.
- 5) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) dengan menggunakan konsep **"Intelligence Lead Policing"** sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.
- 6) Kerajaan telah menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dengan jumlah motosikal sebanyak 1,000 buah pada permulaannya dan akan ditambah menjadikan 5,000 buah menjelang tahun 2015. Unit ini akan membuat rondaan di tempat yang dikenalpasti sebagai **"prone area"** di mana jenayah kerap berlaku dan juga membuat rondaan di kawasan perumahan.

Selain daripada yang dinyatakan, pelbagai lagi inisiatif yang diambil oleh Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan untuk mengurangkan jenayah bagi memenuhi tuntutan rakyat yang inginkan keselamatan mereka terjamin. Tugas menjaga keselamatan negara secara mutlaknya adalah di bawah tanggungjawab Persekutuan yang dilaksanakan melalui agensi penguatkuasaan dalam negara dan kerjasama oleh pertubuhan dan persatuan yang diluluskan oleh Parlimen atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk mengekalkan kestabilan dan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman dari dalam dan luar negara.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P
PATTO (BATU KAWAN)**

SOALAN : 209

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan gaji sebulan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Sembilan anggota, Ketua Pengarah dan 3 orang Timbalan Ketua Pengarah lain dalam MARA serta kos operasi di London, Washington D.C., Jakarta, Dublin, Frankfurt dan New South Wales.

JAWAPAN :

Yang Di-Pertua,

Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Sembilan (9) Anggota Majlis MARA menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling yang berkuatkuasa iaitu **Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1994 - Peraturan Mengenai Pemberian Elaun Dan Kemudahan Bagi Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-ahli Lembaga Pengerusi Badan-badan Bukan Berkanun Persekutuan.**

Asas penetapan gaji bagi Ketua Pengarah dan tiga (3) Timbalan Ketua Pengarah adalah berdasarkan **Surat Pekeliling Perkhidmatan MARA Bilangan 18/2013 - Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Bagi Pegawai Perkhidmatan MARA** selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 15 Mac 2013.

Anggaran kos operasi Pejabat MARA Luar Negara (London, Washington D.C., Jakarta, Dublin, Frankfurt dan Sydney) bagi 2014 adalah di antara RM700,000 hingga RM2,000,000.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
DARIPADA [BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan USM bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan Universiti Sains Malaysia bagi tahun 2008 hingga September 2014 adalah berjumlah RM5,190,529,081.00.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
DARIPADA [BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur sekolah dari segi bekalan elektrik, ketersediaan air bersih, serta makmal komputer dan sains.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam isu pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur sekolah dari segi bekalan elektrik, ketersediaan air bersih serta makmal komputer dan sains. Pada masa kini, tiada projek baharu yang dilaksanakan dalam RMKe-10 bagi projek-projek di atas.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang menyelaras projek sedia ada iaitu projek sambungan RMKe-9.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
DARIPADA [BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian program bantuan makanan sekolah berasrama penuh, jumlah sekolah yang terlibat, kos program tersebut, serta senarai pembekal yang terlibat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan setiap murid yang menghuni asrama di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan serta asrama di bawah Kerajaan Negeri mendapat bekalan makanan bermasak yang berkualiti dan berkhasiat. Harga Kontrak Bekalan Bermasak bagi setiap murid adalah berbeza mengikut zon dan bilangan murid. Secara purata harga kontrak makanan asrama adalah antara RM12.00 - RM 14.00 sehari bagi setiap murid melibatkan 1,337 sekolah berasrama KPM termasuk 68 Sekolah Berasrama Penuh(SBP). Tempoh bagi perkhidmatan membekal makanan adalah selama dua(2) tahun. Pelantikan setiap pembekal dilaksanakan secara tender terbuka.